Senario Ujian Tekanan Kesolvenan, Andaian Utama dan Parameter Kejutan

Senario buruk pertama (SB1) mensimulasikan landasan pertumbuhan KDNK berbentuk 'V', iaitu apabila Malaysia diandaikan mengalami kemelesetan yang besar, dengan magnitud yang bersamaan dengan 2.5 sisihan piawai (*standard deviation*) daripada pertumbuhan dasar pada tahun pertama tekanan. Senario ini mensimulasikan kemelesetan ekonomi yang lebih teruk daripada keadaan yang dialami semasa Krisis Kewangan Global 2008. Di bawah senario ini, kejutan terhadap pertumbuhan global melimpah ke dalam ekonomi dalam negeri lalu menyebabkan pendapatan yang lebih rendah bagi isi rumah dan firma, sentimen yang lebih lemah dalam kalangan pengguna dan sektor perniagaan, serta tekanan yang teruk dalam pasaran kewangan. Keadaan ini diikuti oleh pemulihan kukuh dalam tahun-tahun berikutnya, ekoran tindak balas dasar kitaran berbalas yang positif dan sentimen yang bertambah baik.

Dalam senario buruk kedua (SB2), landasan pertumbuhan berbentuk 'L' disimulasikan dengan penurunan kumulatif sebanyak 6 sisihan piawai daripada senario dasar untuk tempoh empat tahun. Senario ini mengandaikan persekitaran pertumbuhan lembap yang berpanjangan, yang akan menjejaskan pendapatan, kekayaan dan sentimen dalam tempoh yang lebih panjang. Hal ini diandaikan berlaku memandangkan tindak balas dasar adalah amat sedikit ataupun nyata sekali kurang berkesan. Sekali lagi dijelaskan bahawa senario tekanan ini sengaja bersifat konservatif memandangkan Kerajaan dijangka akan melaksanakan langkah-langkah besar untuk menangani kelemahan dalam ekonomi.

Jadual 2.3

Senario, Andaian dan Parameter Kejutan Ujian Tekanan Kesolvenan

Andaian Utama	SB1 – Kemelesetan Berbentuk 'V'	SB2 – Kemelesetan Berpanjangan Berbentuk 'L'
Unjuran kunci kira-kira dan pendapatan		
o Pertumbuhan pinjaman yang lebih lemah	o Menurun sehingga +0.5%	o Menurun sehingga -2.1%
o Penurunan tahunan pertumbuhan pendapatan bank, dibezakan mengikut segmen	o Sehingga 48%	o Sehingga 21%
o Penurunan tahunan pendapatan premium penanggung insurans	o Sehingga 46%	o Sehingga 33%
Kejutan risiko kredit		
o Kebarangkalian mungkir *(Probability of default, PD)*		
• Pinjaman perniagaan	• 5% hingga 10%	• 6% hingga 12%
• Pinjaman isi rumah	• 1% hingga 14%	• 1% hingga 13%
o Kerugian akibat mungkir *(Loss given default, LGD)*		
• Pinjaman perniagaan	• 45% hingga 54%	• 46% hingga 58%
• Pinjaman isi rumah	• 18% hingga 90%	• 17% hingga 89%
o Kemungkiran syarikat korporat bukan kewangan tertentu dengan peminjaman yang besar daripada sistem kewangan	o Syarikat yang mempunyai kedudukan kewangan yang lemah (di bawah ambang kehematan) di bawah simulasi kejutan	
Kejutan risiko pasaran		
o Peningkatan tahunan kadar hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS)	o Sehingga 86 mata asas	o Sehingga 71 mata asas
o Peningkatan tahunan kadar hasil bon korporat	o Sehingga 103 mata asas	o Sehingga 79 mata asas
o Penurunan tahunan FBM KLCI	o Sehingga 34%	o Sehingga 17%
o Penyusutan tahunan nilai ringgit berbanding dengan mata wang utama	o 10% hingga 19%	o 4% hingga 8%
Kejutan risiko pendanaan luar		
o Kebalikan *(reversal)* tuntutan oleh bank bukan pemastautin	o Sehingga 30% daripada peminjaman dan deposit	o Sehingga 15% daripada peminjaman dan deposit
Kejutan risiko insurans am		
o Peningkatan dalam nisbah tuntutan	o Sehingga 30%	o Sehingga 16%
Kejutan risiko penularan		
o Antara bank	o Kemerosotan kesolvenan bank rakan niaga	
o Bank-bank kepada penanggung insurans	o Kemerosotan nilai bon yang diterbitkan oleh bank yang gagal ujian tekanan di bawah senario buruk	

Sumber: Bank Negara Malaysia